

PENGARUH PENDIDIKAN TERHADAP PENINGKATAN KESEDARAN BERKAITAN KESETARAAN GENDER DALAM KALANGAN WANITA DI MALAYSIA (1963-2023)

(EFFECT OF EDUCATION ON INCREASE IN AWARENESS RELATED TO GENDER EQUALITY AMONG
WOMEN IN MALAYSIA (1963-2023))

TINGKAS, E.¹ – DE SILVA, M.^{1*}

¹ *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: maureend[at]ums.edu.my*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Pendidikan untuk wanita pada satu ketika dahulu bukanlah menjadi satu keutamaan untuk dipenuhi dan situasi ini adalah disebabkan oleh stigma yang meletakkan kaum wanita sentiasa berada di belakang kaum lelaki. Hal ini tidak menghairankan kerana sistem patriarki yang menebal dalam masyarakat pada waktu itu meletakkan kepentingan untuk menyediakan pendidikan dengan tumpuan hanya kepada kanak-kanak lelaki. Pada era imperialisme British di Tanah Melayu misalannya, pendidikan untuk wanita berkembang dalam kadar yang sangat perlahan, biarpun terdapat usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan untuk kanak-kanak perempuan namun kalangan ibu bapa tidak begitu menyokong konsep ini. Ketidakadilan gender adalah satu bentuk diskriminasi yang telah berlaku sejak sekian lama dan mendatangkan dampak terutamanya melibatkan hak kaum wanita dan kanak-kanak perempuan. Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat yang telah termaktub pada tahun 1948 mengisytiharkan hak sama rata antara wanita dan lelaki yang terkandung di dalamnya tanpa sebarang perbezaan. Ikon pendidikan wanita seperti Ibu Zain, Lily Eberwein yang mewakili generasi wanita sebelum merdeka merupakan antara tokoh terawal yang menggerakkan usaha memberikan pendidikan kepada kaum wanita dan kanak-kanak perempuan. Permasalahan yang mendasari penyelidikan ini adalah berkaitan dengan pengaruh pendidikan untuk membawa kesedaran tentang kesetaraan gender dalam kalangan wanita di Malaysia dari perspektif sejarah serta dinamika perkembangan pendidikan untuk kaum wanita dan kanak-kanak perempuan di Malaysia. Penyelidik menggunakan kualitatif dengan mengadaptasi kajian kepustakaan dan wawancara bersama informan dalam pengumpulan data serta kritikan sumber dan analisis kandungan untuk proses analisis data. Dapatan awal penyelidikan menunjukkan tahap kesedaran berkaitan kesetaraan gender dalam kalangan wanita telah memperlihatkan perubahan yang signifikan terutamanya selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Kedudukan kaum wanita menjadi lebih baik jika dibandingkan sewaktu era penjajahan British di negara kita. Bidang pendidikan mempunyai potensi untuk memainkan peranan penting dalam mencapai kesaksamaan gender seperti yang didokumentasikan dalam laporan tahunan oleh UNESCO yang diterbitkan pada tahun 2015 yang bertemakan “Education for All”.

Katakunci: *pendidikan, wanita, kesetaraan gender, hak asasi, Malaysia*

Abstract. Education for women at one time was not a priority to be fulfilled and this situation is due to the stigma that puts women always behind men. This is not surprising because the patriarchal system that thickened in society at that time placed importance on providing education with a focus only on boys. During the era of British imperialism in Malaya, for example, education for women developed at a very slow rate, although there were efforts to raise awareness of the importance of education for girls, but parents did not really support this concept. Gender injustice is a form of discrimination that has been happening for a long time and has an impact especially involving the rights of women and girls. The Universal Declaration of Human Rights which was written in 1948 declared equal rights between women and men contained in it without any difference. Women's education icons such as Ibu Zain, Lily Eberwein who represent the generation of women before independence were among the earliest figures who mobilized efforts to provide education to women and girls. The problem underlying this research is

related to the influence of education to bring awareness about gender equality among women in Malaysia from a historical perspective as well as the dynamics of the development of education for women and girls in Malaysia. The researcher used a qualitative method by adapting the literature review method and also interviews with informants in the data collection process as well as source criticism and content analysis for the data analysis process. The initial findings of the research show that the level of awareness related to gender equality among women has shown a significant change especially after the formation of Malaysia in 1963. The position of women has become better when compared to the era of British colonialism in our country. The field of education has the potential to play an important role in achieving gender equality as documented in the annual report by UNESCO published in 2015 with the theme "Education for All".

Keywords: *education, women, gender equality, human rights, Malaysia*

Pengenalan

"Throughout the history, human rights are the fundamental rights and freedoms that belong to all people in this world, it is the standards that allow people to live with dignity, freedom, equality, justice and peace"

(Hendriani, 2017)

Pernyataan ini membuktikan betapa pendidikan merupakan satu perkara asas yang sewajarnya dan selayaknya diterima oleh semua tanpa mengira jantina, peringkat umur, kedudukan, agama atau bangsa. Sebarang bentuk diskriminasi yang meniadakan hak untuk individu daripada memperoleh pendidikan adalah dianggap melanggar Hak Asasi Manusia Sejagat seperti yang termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1948 (Artikel 26, 1-2) iaitu: (i) Setiap orang adalah berhak kepada pelajaran. Pelajaran hendaklah diberikan percuma, sekurang-kurangnya pada peringkat awal dan asasnya. Pelajaran peringkat awal hendaklah diwajibkan. Pelajaran teknikal serta profesional hendaklah disediakan untuk umum dan pelajaran tinggi; (ii) hendaklah mempunyai akses yang sama rata kepada semua orang atas dasar kebolehan. Pelajaran hendaklah ditujukan kepada perkembangan sepenuhnya keperibadian manusia dan ke arah memperkukuhkan lagi rasa hormat bagi hak-hak dan kebebasan asasi manusia. Ianya hendaklah memupuk persefahaman, kesabaran dan persahabatan di kalangan semua negara, bangsa atau kumpulan-kumpulan ugama, dan hendaklah memajukan segala kegiatan Bangsa-Bangsa Bersatu demi memelihara keamanan.

Berdasarkan kajian antarabangsa terkini yang mengandungi maklumat tentang jurang antara gender melibatkan status relatif wanita berbanding lelaki, Malaysia menduduki tempat ke-104 daripada 153 negara seperti yang dilaporkan dalam Global Gender Gap Report 2020 (WEF, 2020). Malaysia juga dilaporkan berada pada tangga ke-58 daripada 162 negara dalam Laporan Indeks Ketaksamaan Gender UNDP (UNDP, 2019). Kedudukan ini adalah berdasarkan kepada data yang diperoleh daripada statistik yang menunjukkan data seperti penyertaan dalam ekonomi, pendidikan, kesihatan dan perwakilan dalam perkhidmatan awam. Ketaksamaan gender yang melibatkan status wanita yang masih ketinggalan di Malaysia sebenarnya adalah warisan sistem patriarki (kepercayaan dan amalan yang mengukuhkan penguasaan lelaki) dan sikap kontemporari ramai lelaki dan wanita itu sendiri (Hirschman, 2026).

"The surest way to keep people down is to educate the men and neglect the women...if you educate a man you educate an individual, however, if you educate a woman you educate a whole family"

(Dr James Emman Kwegir Aggrey, 1875-1927)

Kata-kata di atas diucapkan oleh Dr James Emman Kwegir Aggrey yang juga merupakan tokoh ilmuan terkenal dan berasal dari Ghana. Dr James Kwegyir Aggrey mungkin menggunakan kata-kata ini untuk meyakinkan ibu bapa di negara asalnya iaitu Ghana dan juga masyarakat benua Afrika secara keseluruhannya yang lebih bersedia untuk membenarkan anak lelaki mereka menghadiri sekolah mubaligh jika dibandingkan anak perempuan mereka. Mesej utama yang ingin disampaikan di sini ialah apabila kita mengetahui kepentingan nilai pendidikan untuk lelaki dalam masyarakat, seharusnya peluang yang sama juga harus diberikan kepada wanita untuk mendapatkan akses yang sama. Intipati utama yang cuba disampaikan oleh Dr James Emmann Kwegir Aggrey berkaitan dengan kepentingan akses pendidikan seharusnya diberikan secara sama rata untuk lelaki dan wanita, sama ada melalui cara formal atau tidak formal agar akses pendidikan ini seterusnya dapat dimanfaatkan dengan ilmu pengetahuan yang bersesuaian dan bertindak berdasarkan pengetahuan yang dipelajari mereka tanpa mengira gender.

Pendidikan merupakan satu usaha untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan dan menggunakan ilmu pengetahuan sebagai alat dalam membina kehidupan yang lebih baik. Kepentingan pendidikan dalam mempromosikan dan mengekalkan aspek pembangunan individu dan negara menjadikan pendidikan sebagai 'priority' utama yang seharusnya diberikan perhatian serius. Kaum wanita juga seharusnya tidak ketinggalan dalam menggunakan peluang pendidikan yang ada untuk mempelajari bukan hanya pengetahuan asas seperti membaca, menulis dan mengira namun lebih daripada itu, kaum wanita juga harus peka dengan hak asasi yang selayaknya diterima oleh mereka dan sewajarnya mereka turut diberikan penghormatan sesuai dengan kedudukan mereka dalam masyarakat. Oleh yang demikian, maka adalah jelas dan nyata pendidikan memberikan kesan dalam memperkasakan wanita daripada aspek sosiobudaya, ekonomi, interpersonal, perundangan, politik, dan domain psikologi, pendidikan adalah merupakan satu pelaburan yang berbaloi bukan sahaja kepada seorang individu tetapi juga dari perspektif sebagai seorang warganegara (Aslam, 2013)

Pemeriksaan wanita adalah satu proses yang seharusnya menjadi fokus utama dalam mana-mana masyarakat dan juga mana-mana negara. Wanita adalah elemen yang penting dalam masyarakat dan pendidikan sebagai cara pemeriksaan wanita boleh dicapai dan membawa kepada perubahan sikap yang positif. Konsep pemeriksaan merupakan proses yang membolehkan atau memberikan kuasa kepada individu untuk berfikir, mengambil tindakan dan mengawal kerja secara autonomi menurut Jaysawal dan Saha (2023a) serta Bhat (2015). Konsep ini turut merujuk kepada pembebasan daripada sebarang bentuk penindasan atau perhambaan dalam apa jua situasi atau keadaan. Selain daripada itu konsep pemeriksaan juga menuntut konfigurasi semula rangkaian keseluruhan hubungan sosial dan ekonomi serta menjanjikan masa depan yang jauh lebih baik (Jaysawal dan Saha, 2023b).

Sorotan literatur

Pemeriksaan wanita dalam berhadapan amalan patriarki

Persepsi yang menyatakan bahawa wanita merupakan golongan yang tidak mampu berdiri di atas kaki sendiri dan terlalu bergantung kepada lelaki menyebabkan wanita sentiasa berada pada kedudukan yang lebih rendah serta dianggap lemah. Wanita perlu

keluar daripada kepompong pemikiran yang lapuk dan harus segera memahami erti sebenar pemerksaan. Semua orang mesti memahami bahawa memperkasakan wanita tidak bermakna hanya fokus untuk memperkasakan mereka dalam bidang teknikal sahaja (Kalakoti, 2021). Wanita harus sedar bahawa mereka juga adalah manusia yang rasional, cerdas dan mampu berfikir serta layak untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan lelaki.

Dalam artikel yang sama dihasilkan oleh Kalakoti (2021) menyatakan selama berabad-abad, wanita dilayan sebagai golongan kelas kedua dan kurang setara dengan lelaki dalam banyak aspek seperti pendidikan, ekonomi, politik dan sosial. Wanita tidak dibenarkan mengundi, memiliki harta, atau bekerja dalam banyak bidang pekerjaan dan situasi ini disebabkan oleh amalan yang kuat terhadap budaya dan tradisi berasaskan patriarki sejak sekian lama.

Artikel oleh Kalakoti (2021) turut menyebut bahawa kaum wanita semenjak sekian lama hanya berdiam diri biarpun diperlakukan dengan tidak adil dan kesabaran sebegitu dilakukan kerana kurang keyakinan diri dalam menghadapi cabaran hidup, oleh yang demikian wanita perlu menjadi pemberani dan memahami erti sebenar pemerksaan. Pada waktu kini, kaum wanita telah berjaya keluar dari zaman kegelapan yang dibayangi oleh bayang-bayang patriarki yang mengekang potensi mereka dan wanita lebih berkuasa untuk melakukan apa sahaja yang mereka mahu seperti mempunyai keupayaan untuk menentukan nasib mereka sendiri, menceburi pelbagai bidang pekerjaan, hak untuk mengundi dan melakukan apa sahaja yang boleh dilakukan oleh lelaki.

Konsep pemerksaan wanita diperkenalkan di persidangan wanita antarabangsa di Nairobi pada tahun 1985. Pemerksaan wanita merupakan isu global yang menjadi tumpuan utama masyarakat antarabangsa dan perbincangan mengenai hak asasi wanita banyak diperkatakan menerusi kempen rasmi dan tidak rasmi di seluruh dunia. Pendidikan merupakan tonggak utama proses pemerksaan wanita kerana dengan adanya pendidikan membolehkan wanita bertindak balas terhadap cabaran, untuk menghadapi peranan tradisional mereka dan seterusnya mengubah kehidupan mereka. Oleh sebab itu, kita tidak boleh mengabaikan kepentingan pendidikan dalam usaha memastikan pemerksaan wanita ini mencapai matlamatnya (*Rajah 1*).

paragraph 163

Education is the basis for the full promotion and improvement of the status of women. It is the basic tool that should be given to women in order to fulfil their role as full members of society. Governments should strengthen the participation of women at all levels of national educational policy and in formulating and implementing plans, programmes and projects. Special measures should be adopted to revise and adapt women's education to the realities of the developing world. Existing and new services should be directed to women as intellectuals, policy-makers, decision-makers, planners, contributors and beneficiaries, with particular attention to the UNESCO Convention against Discrimination in Education (1960). Special measures should also be adopted to increase equal access to scientific, technical and vocational education, particularly for young women, and evaluate progress made by the poorest women in urban and rural areas.

Rajah 1. *Petikan dari Report of the World Conference to Review & Appraise the Achievements of the United Nations Decade for Women: Equality, Development & Peace, Nairobi, 15-26 July 1985.*

Pendidikan wanita di Tanah Melayu semasa kolonialisme British

Proses pengajaran dan pembelajaran serta kegiatan yang berkaitan dengan pendidikan telah lama wujud dalam masyarakat Melayu tradisional semenjak sebelum

bermulanya penjajahan British lagi. Menurut Idris dan Noor (2014) dalam artikel mereka yang bertajuk “Perkembangan Sekolah Perempuan Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu” pada dasarnya pendidikan di Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu sistem pendidikan formal dan sistem pendidikan tidak formal dan pada peringkat awal, pendidikan adalah bersifat memindahkan dan mewariskan segala pengetahuan dan kemahiran yang ada pada ibu atau bapa kepada anak-anak mereka. Idris dan Noor (2015) menyatakan lagi yang proses pendidikan mulai mengalami perubahan dengan memberikan fokus terhadap pembelajaran berasaskan ajaran Islam dan oleh yang demikian perkembangan ini telah menyebabkan wujudnya institusi pendidikan agama seperti surau, masjid, pondok dan juga madrasah, manakala perkembangan pendidikan sekular pula dikesan pada abad ke-19, di Negeri-negeri Selat bermula di Pulau Pinang, Singapura dan seterusnya Melaka dan perkembangan ini telah menyebabkan wujudnya sekolah-sekolah vernakular Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil (Idris dan Noor, 2014).

Sekolah Melayu mula diperkenalkan pada pertengahan abad ke-19 di Negeri-negeri Selat. Sekolah yang terawal dibuka pada tahun 1816 iaitu Penang Free School di Pulau Pinang dibawah seliaan Persatuan Mubaligh Kristian manakala Sekolah Kebangsaan Sungai Gelugor merupakan sekolah Melayu tertua di Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1826 khusus untuk pelajar yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan anak-anak kepada pekerja ladang yang tinggal di kawasan berhampiran. Pada peringkat awal, penerimaan golongan ibu bapa tidak begitu menggalakkan dan menganggap pendidikan sekular yang dibawa oleh British bertentangan dengan ajaran agama Islam dan para ibu bapa turut bimbang anak-anak mereka akan terpengaruh dengan agama Kristian dan beranggapan pendidikan sekular tidak mempunyai nilai ekonomi.

Sekolah Perempuan Melayu yang pertama didirikan ialah di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1884 dan perkembangan sekolah perempuan Melayu pada peringkat awal adalah perlahan jika dibandingkan dengan sekolah untuk anak-anak lelaki dan sekolah perempuan Melayu kedua pula dibuka pada tahun 1899 di Pulau Pinang. Pada peringkat awal penubuhan sekolah perempuan Melayu di Teluk Belanga sebenarnya merupakan inisiatif yang dimulakan oleh kaum kerabat diraja Johor khusus untuk anak-anak perempuan kerabat diraja dan juga kalangan bangsawan (Idris dan Noor, 2015)

Perkembangan pendidikan bagi anak-anak perempuan menunjukkan peningkatan yang menggalakkan menjelang tahun-tahun 1920-an dan 1930-an dan ini membuktikan telah timbul kesedaran dalam kalangan ibu bapa tentang kepentingan pendidikan untuk anak-anak perempuan mereka. Namun biarpun terdapat peningkatan dalam perkembangan sekolah perempuan Melayu namun sebenarnya bilangan sekolah perempuan masih lagi ketinggalan sekiranya dibandingkan dengan perkembangan sekolah lelaki. Hal ini disebabkan British tidak begitu berminat memberikan tumpuan khusus dalam pembangunan pendidikan untuk perempuan ketika itu yang difikir tidak membawa sebarang nilai dari sudut ekonomi (Stevenson, 1975).

Penubuhan Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (MPMM) pada 31 Januari 1935 dianggap sebagai kemuncak kepada pendidikan untuk kaum perempuan di Tanah Melayu sekaligus menjadi penanda aras akan kepentingan untuk memusatkan perhatian dalam menyediakan kemudahan pendidikan yang berkualiti kepada pelajar perempuan Melayu termasuklah keperluan guru-guru terlatih untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah perempuan Melayu dengan pengambilan pertama melibatkan seramai 24 pelajar yang memulakan pengajian pada 1 Februari 1935 (ANM, 2024). Pengetua pertama

Maktab Perempuan Melayu Melaka yang juga bekas Penyelia Wanita Sekolah-sekolah Melayu Negeri-negeri Selat iaitu Cik Pardom dan pembantunya Cik M. Lomas bertanggungjawab dalam mengawal selia MPMM.

Kebangkitan kaum wanita menuntut hak dalam pendidikan

Elemen pendidikan sangat berkait rapat dengan konsep kesaksamaan jantina. Golongan pendidik sejak sekian lama telah cuba membawa konsep kesaksamaan wanita ke dalam sistem pengajaran untuk disampaikan kepada para pelajar terutamanya pelajar perempuan (Jaysawal dan Saha, 2023a). Pendidikan merupakan saluran yang membuka jalan dan memberikan komitmen kepada umum dalam menggalakkan kesaksamaan antara lelaki dan perempuan, ketidaksempurnaan sosial yang menafikan hak dan peranan wanita dalam masyarakat yang sudah wujud sejak sekian lama perlu ditangani. Pendidikan membolehkan kanak-kanak perempuan dan lelaki, wanita dan lelaki mengambil bahagian dalam segala aspek kehidupan dan ia merupakan asas bagi pembangunan masyarakat demokrasi agar lebih untuk saling menghormati antara satu dengan yang lain dan mampu hidup secara rukun biarpun mempunyai perbezaan pendapat (USAID, 2008).

Seiring dengan perkembangan pendidikan untuk perempuan Melayu yang berlaku pada sekitar tahun 1920-an dan 1930-an telah terbit beberapa buah majalah yang mengangkat isu berkaitan dengan wanita. Antaranya ialah Majalah Al-Ikhwan yang diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1926 dengan ketua editornya ialah Syed Syekh Al Hadi yang turut digelar sebagai pejuang feminisme kerana tulisan-tulisan beliau yang banyak memberikan kesedaran kepada kaum wanita untuk keluar daripada kekangan adat-adat lama dan kepercayaan yang mengekang potensi wanita itu sendiri dan menjadikan kehidupan kaum wanita jahil serta terus ketinggalan (Hussiin, 2011).

Walau dengan jalan bagaimanapun setengah dari ibu bapa kanak-kanak di dalam kampung hendak menghalang kemajuan dan pergerakan perempuan-perempuan Melayu: tetapi kemajuan pelajaran perempuan ada terus menerus dari semasa ke semasa.

Cubalah ibu bapa kanak-kanak berfikir dan soal diri sendiri, "Tidakkah perlu anak-anak perempuan itu diberi pelajaran dan pengetahuan?". Hal ini memang masing-masing tuan-tuan boleh belaka menjawab, "Perlu!", sebab di dalam Hadith pun ada tersebut "Tiap-tiap laki-laki dan perempuan wajib diberi ilmu". Teranglah sudah oleh kita bukan laki-laki sahaja wajib diberi ilmu pengetahuan

(Arshad, 1935)

Petikan di atas merujuk kepada hasil nukilan salah seorang pembaca setia Majalah Guru yang menulis perihal betapa kaum perempuan juga sewajarnya diberikan peluang untuk mendapatkan pendidikan malahan turut memetik petikan Hadis yang menyebut bahawa setiap lelaki dan perempuan wajib menerima pendidikan. Penulis juga turut menyeru para ibu bapa untuk tidak menghalang anak-anak perempuan daripada menuntut ilmu.

Guru-guru perempuan Melayu yang pada ketika itu bertanggungjawab dalam mengajar anak-anak perempuan Melayu turut terpenggil dalam menyuarakan pandangan berkaitan isu kedudukan wanita Melayu terutama dari segi hak untuk mendapatkan pendidikan setara dengan anak-anak lelaki. Golongan guru perempuan

Melayu ini menyeru agar hak wanita terutama dalam pendidikan perlu diberikan perhatian oleh pemerintah malahan guru-guru wanita ini juga telah menggunakan bidang penulisan sebagai medium membangkitkan kesedaran dalam kalangan wanita tentang pentingnya untuk mempunyai pendidikan (Idris dan Noor, 2014).

Kaum wanita turut tidak ketinggalan dalam bersuara tentang isu melibatkan pendidikan anak-anak perempuan serta menyeru agar kaum wanita untuk berusaha mengejar ilmu pengetahuan dalam menentukan nasib mereka sendiri serta tidak bersikap malas yang akan hanya membawa kerugian kepada diri mereka sendiri. Satu contoh figura yang berusaha keras untuk memberikan kesedaran betapa pentingnya pendidikan dalam kehidupan khususnya dalam kalangan kaum wanita ialah Ibu Zain atau nama sebenar beliau ialah Hajah Zainun Sulaiman. Ibu Zain merupakan seorang Srikandi Negara yang tidak pernah mengenal erti jemu dalam berjuang memartabatkan pendidikan untuk kaum wanita.

Pada tahun 1927, Ibu Zain diamanahkan tanggungjawab yang besar apabila beliau diberikan kepercayaan untuk menjadi Penyelia Sekolah-Sekolah Perempuan Seluruh Negeri Johor. Ibu Zain juga menjadi pengasas Majalah Guru dan Bulan Melayu yang banyak memuatkan hasil nukilan para guru Melayu yang menjadikan bidang penulisan sebagai platform mereka untuk memberikan pendapat dan bersuara berkaitan isu yang melibatkan masa depan pendidikan dalam kalangan perempuan Melayu pada zaman penjajahan kolonial British. Ibu Zain bukan hanya dikenali sebagai pendidik yang berjuang dalam meningkatkan taraf pendidikan anak bangsa tetapi juga aktif dalam pertubuhan sukarela dan ini jelas terlihat dengan usaha beliau menubuhkan Persekutuan Guru-Guru Perempuan Melayu dan memimpin pertubuhan tersebut selama 19 tahun (Aziz, 2004).

Lily Eberwein merupakan seorang lagi antara tokoh awal wanita dalam dunia pendidikan yang menaburkan bakti untuk masyarakat tempatan di negeri Sarawak. Eberwein dihormati bukan setakat kerana kemampuan beliau untuk mengajar agama dalam kalangan anak-anak penduduk kampung namun lebih daripada itu, Eberwein menjadi contoh terbaik dalam membuktikan kaum wanita juga boleh menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat.

Eberwein menjadi wanita Melayu pertama yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan apabila direkrut untuk menjadi operator telefon oleh Mr Tate, seorang pengarah syarikat telefon milik kerajaan negeri pada tahun 1927. Kebolehan Eberwein berbahasa Melayu dan English memberikan kelebihan kepada Eberwein sehingga kemudiannya dilantik oleh kerajaan Brooke untuk menjadi pengetua Sekolah Perempuan Melayu Permaisuri yang terletak di Kuching pada tahun 1930 dan bermula dari situ, Eberwein kemudiannya lebih dikenali dengan panggilan Cikgu Lily. Cikgu Lily sangat dihormati terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak kerana kesungguhan beliau dalam mendidik gadis Melayu supaya mempunyai pendidikan dan mampu untuk berdikari (Jehom, 2013).

Instrumen dan Metod Kajian

Pengkaji memilih falsafah berlandaskan konstruktivis dan reka bentuk utama kajian adalah kualitatif dengan memfokuskan kepada sejarah sosial. Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu yang pertama mengumpul data daripada sumber primer yang bersifat asli dan belum lagi ditafsir yang selalunya diperoleh daripada koleksi arkib termasuklah dokumen-dokumen serta rekod-rekod sedia ada. Dalam

penyelidikan ini, pengkaji menggunakan dokumen asal seperti laporan yang diterbitkan dan boleh diakses secara dalam talian sebagai contohnya laporan berkaitan dengan persidangan yang melibatkan wanita di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) begitu juga dengan salinan daripada Majalah Guru yang diterbitkan pada tahun 1935. Penyelidik juga menggunakan sumber sekunder iaitu kajian-kajian atau penulisan-penulisan yang telah dilakukan dan kebanyakan sumber ini boleh diperolehi daripada perpustakaan yang terdiri daripada kumpulan penerbitan dalam bentuk tesis penyelidikan, dokumen, jurnal, buku dan sumber yang boleh diakses secara *online*. Setiap sumber ini biasa digunakan oleh golongan penyelidik sebagai sumber rujukan. Pengkaji telah memuat turun beberapa penerbitan seperti buku, jurnal berindeks tinggi yang membincangkan secara khusus berkaitan pendidikan untuk wanita serta kesedaran kesetaraan gender dalam kalangan wanita di Malaysia. Dalam kajian ini, penyelidik juga melakukan proses temubual dalam usaha untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan skop utama kajian ini iaitu berkaitan pendidikan dan kesetaraan gender dalam kalangan wanita di Malaysia selepas pembentukan Malaysia. Bahagian kedua pula merujuk kepada analisis data. Kaedah analisis yang digunakan adalah kritikan eksposisi dan juga analisis kandungan. Pengkaji mengadaptasi kaedah analisis data berdasarkan pendekatan sejarah serta menggunakan kaedah *in vivo* untuk menganalisis data daripada temubual yang dibuat bersama informan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah membuka lembaran baru dalam sistem pendidikan khususnya untuk kaum wanita. Perubahan signifikan dalam bidang pendidikan melibatkan kaum wanita dapat dilihat semenjak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 lagi. Walaupun perkembangan pendidikan kaum wanita di negara kita bergerak secara perlahan namun kita tidak dapat menafikan kesedaran kaum wanita terhadap kepentingan pendidikan dalam menentukan kehidupan dan hak mereka sendiri.

Pendidikan boleh membawa perubahan yang luar biasa dalam kehidupan wanita dan mendorong kepada transformasi sosial dalam jangka masa panjang dengan menyemai sifat-sifat positif dalam kalangan kaum wanita itu sendiri antaranya pendidikan dalam kehidupan meningkatkan keyakinan kaum wanita, meningkatkan taraf mereka dalam keluarga dan masyarakat, memberikan kesedaran tentang hak dan harga diri mereka, mengurangkan kebergantungan mereka terhadap orang lain, mendidik anak-anak mereka dengan lebih baik serta membuka peluang kerjaya yang boleh diceburi oleh kaum wanita yang selama ini didominasi oleh kaum lelaki (Kalakoti, 2021).

Peningkatan pengetahuan, keyakinan diri dan kesedaran tentang kesaksamaan jantina adalah petunjuk kepada proses pemerksaan. Terdapat bukti bahawa komponen ini biasanya dipupuk dalam diri sebagai hasil daripada pendidikan tinggi yang diterima oleh wanita. Golongan wanita yang berpendidikan tinggi dan mempunyai pendapatan sendiri, berada dalam kedudukan yang lebih baik dalam masyarakat jika dibandingkan dengan golongan yang berpendidikan jauh lebih rendah. Oleh yang demikian, aspek pendidikan merupakan satu aspek yang "*crucial*" dan memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pemerksaan wanita sekaligus mengangkat martabat kaum wanita itu sendiri,

Sebagai contoh, terdapat beberapa figura wanita yang menjadi ikon terbaik dalam menunjukkan kesedaran terhadap kesetaraan gender yang bertitik tolak daripada

pendidikan yang diterima oleh kaum wanita semasa era pemerintahan kolonialisme dan kemudiannya selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Antara yang sangat menginspirasi ialah Tan Sri Dr Hajah Aishah Ghani yang juga merupakan Senator pertama wanita yang dilantik oleh YDPA untuk menjadi Ahli Dewan Negara pada tahun 1963 dan mencipta sejarah bagi kaum wanita di Malaysia. Tan Sri Dr Hajah Aishah Ghani berjaya membuktikan dengan adanya pendidikan dalam hidup, kaum wanita boleh mencorakkan kehidupan mereka dan berdiri di atas kaki sendiri (Noor, 2010).

Salah satu faktor mengapa perkembangan pendidikan dalam kalangan kaum wanita berlaku dalam kadar perlahan adalah disebabkan oleh sikap ibu bapa yang prejudis terhadap usaha untuk menggalakkan mereka menghantar anak-anak perempuan mendapatkan pendidikan. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi perkongsian pengalaman oleh Tan Sri Hajah Aishah Ghani sendiri ketika beliau masih kecil apabila dua orang kakak beliau dikahwinkan pada usia yang sangat muda malahan tidak berkesempatan untuk bersekolah. Dalam artikel yang ditulis oleh Noor (2010) yang bertajuk *Tan Sri Dr Hajah Aishah Ghani: Penggerak Kemajuan Wanita UMNO* telah merangkumkan perjalanan kehidupan yang dilalui oleh Tan Sri Dr Hajah Aishah Ghani sehingga beliau cukup dikenali sebagai ikon wanita tanahair. Pada ketika beliau masih kecil, kesedaran tentang pentingnya pendidikan untuk anak-anak perempuan berada di tahap yang rendah dan beranggapan anak-anak perempuan sewajarnya diasuh dengan kemahiran untuk menguruskan tugas-tugas harian bagi memudahkan mereka melaksanakan tanggungjawab sebagai suri rumah tangga kelak dengan baik.

Para ibu bapa pada waktu itu juga masih lagi berfikiran bahawa anak perempuan mereka tidak perlu dihantar ke sekolah untuk mendapatkan pendidikan formal kerana mereka percaya anak-anak perempuan tidak memerlukan pencapaian yang sama dalam akademik dengan anak-anak lelaki. Dalam satu penulisan yang dihasilkan oleh Hussiin (2011) menyebut selain daripada berpendapat anak-anak perempuan tidak perlu untuk mempunyai pendidikan formal kalangan ibu bapa juga berasa bimbang sekiranya anak-anak perempuan mereka menjejakkan kaki ke sekolah mereka akan terdedah dengan pergaulan antara lelaki dan perempuan dan perkara ini merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima lantaran disebabkan oleh adat serta budaya masyarakat Melayu yang menjunjung tinggi agama Islam dalam kehidupan mereka.

Secara perlahan perubahan sikap dalam kalangan orang Melayu pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an ditambah lagi dengan penerbitan akhbar dan majalah Melayu yang banyak menulis perihal pendidikan untuk anak-anak perempuan telah mula membuka peluang pendidikan untuk anak-anak perempuan. Kalangan ibu bapa mula membuka pemikiran mereka untuk menerima hakikat bahawa pendidikan akan membawa kebaikan kepada anak-anak perempuan mereka untuk mendapatkan kehidupan yang jauh lebih baik dan masa depan yang lebih cerah. Dalam hal ini, Tan Sri Dr Hajah Aishah Ghani sendiri menyebut betapa beliau berasa sungguh bertuah disebabkan keterbukaan ibu bapa beliau yang memberikan kebenaran untuk beliau bersekolah. Perubahan sikap ini adalah hasil daripada nasihat dan galakan daripada abang ipar Tan Sri Dr Hajah Aishah Ghani sendiri iaitu Encik Abdul Halim yang juga merupakan seorang guru agama asal Indonesia (Noor, 2010).

Kesedaran ini seterusnya berkembang dalam segenap lapisan masyarakat Melayu termasuklah di kawasan perkampungan dan juga pedalaman. Pengalaman yang dilalui oleh Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali merupakan satu lagi contoh terbaik perubahan sikap kalangan ibu bapa berkaitan dengan pendidikan anak-anak perempuan dan dalam hal

ini, nenek kepada Tun Dr Siti Hasmah merupakan individu yang sangat mementingkan pendidikan cucu-cucu perempuannya termasuklah Tun Dr Siti Hasmah sendiri (Idris dan Noor, 2014). Tun Dr Siti Hasmah merupakan doktor wanita Melayu ketiga di Tanah Melayu dan yang pertama menamatkan pengajian dari Fakulti Perubatan di Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1955. Beliau merupakan wanita pertama dilantik sebagai Pegawai Perubatan di Jabatan Kesihatan Ibu dan Anak di Jitra, Kedah dan tidak lama kemudian menjadi Pegawai Kesihatan Ibu dan Anak Negeri wanita pertama di negeri itu pada tahun 1974. Dalam artikel yang sama juga, Tun Dr Siti Hasmah juga menyebut bahawa kejayaan yang dicapai oleh beliau adalah disebabkan sokongan yang diterima daripada kedua orang tuanya.

“I want to see young people today have a good life in the future. They have a lot of aspirations but you must have education, know what is happening in your own country and help society”

(Tun Dr Siti Hasmah)

Petikan kata-kata yang diucapkan oleh Tun Dr Siti Hasmah memberikan penekanan betapa pentingnya untuk mempunyai pendidikan dalam memastikan kehidupan yang lebih baik boleh dijadikan sebagai nasihat yang sangat berguna terutama untuk generasi masa kini. Lakaran kejayaan oleh figura-figura seperti Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Tan Sri Dr Hajah Aishah Ghani merupakan bukti akan kemampuan kaum wanita untuk mencapai cita-cita berkat dari pendidikan yang dimiliki oleh mereka. Perkara ini juga menunjukkan bahawa kaum wanita mampu untuk mencapai kedudukan yang setara dengan kaum lelaki sekaligus menunjukkan kesedaran berkaitan kesaksamaan gender dalam kalangan kaum wanita itu sendiri. Kesaksamaan gender atau kesaksamaan dalam pendidikan bermaksud lelaki dan perempuan mempunyai peluang yang sama dari segi perkembangan ekonomi, sosial, budaya dan politik sekiranya kesaksamaan gender dicapai dengan tepat ini akan menyumbang kepada masa depan anak-anak perempuan yang mampu dicapai sama seperti anak-anak lelaki selain daripada isu-isu penting seperti jurang, perpecahan dan konflik antara gender dalam masyarakat dapat dikurangkan (Sahin, 2014).

Dalam penyelidikan ini, saya telah membuat kerja lapangan dengan melakukan temubual bersama dengan informan saya iaitu Datin Dr Lungkiam Dambul. Beliau merupakan contoh terbaik bagi kaum wanita terutamanya dalam kalangan wanita Dusun di Sabah kerana beliau merupakan wanita Dusun pertama yang berjaya mendapatkan gelaran Doktor Falsafah (PhD). Datin Dr Lungkiam Dambul merupakan anak jati Sabah dari Ranau serta merupakan isteri kepada mantan Ahli Parlimen Kinabalu iaitu Datuk Dr Othman Minudin.

Datin Dr Lungkiam Dambul merupakan satu-satunya pelajar perempuan yang diterima masuk ke Maktab Sabah selepas lulus dalam peperiksaan yang diadakan pada peringkat sekolah rendah namun sebelum memasuki Maktab Sabah, Datin Dr Lungkiam perlu memasuki kelas peralihan (*English Medium*) terlebih dahulu di SM Mat Salleh atau dulunya juga dikenali sebagai *Government Junior Secondary School* (kini dikenali sebagai SMK Mat Salleh, Ranau) pada tahun 1963. Datin Dr Lungkiam meneruskan pendidikan menengah beliau di Maktab Sabah sehingga tamat Tingkatan 6 pada tahun 1971 dan kemudiannya menyambung pengajian sarjana muda beliau dalam bidang Geografi di Universiti Malaya dan menerima Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1975.

Sehingga pada tahap ini, beliau merupakan wanita Dusun pertama dari daerah Ranau yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat tinggi.

Selain daripada itu, pada tahun 1977, Datin Dr Lungkiam juga telah berjaya memperolehi Diploma Pendidikan Bahasa Malaysia dan Geografi daripada Universiti Malaya biarpun pada ketika itu, beliau telah berkhidmat sebagai guru namun tanpa mengenal erti penat lelah dan berputus asa untuk mengejar ilmu pada akhirnya beliau melanjutkan pengajian peringkat Sarjana sehingga beliau berjaya memperolehi *Master of Education* pada tahun 1981 dari *Southern Illinois University Carbondale, United States* dan menggenggam gelaran *Doctor of Philosophy (Education)* juga dari *Southern Illinois University Carbondale, United States* pada tahun 1985. Pencapaian yang dicapai oleh beliau dalam bidang akademik merupakan satu pencapaian yang sangat membanggakan apatah lagi beliau merupakan pelajar perempuan pertama yang memegang gelaran PhD dari Ranau. Datin Dr Lungkiam memulakan kerjayanya sebagai pendidik bermula tahun 1978 hingga 1979 di SMK Mat Salleh Ranau sebelum memegang jawatan sebagai Pengurus Kumpulan Yayasan Sabah dari tahun 1988 hingga 1989 dan Pembantu Eksekutif kepada Pengarah Yayasan Sabah dari tahun 1996 hingga 2002. Selepas bersara daripada perkhidmatan di Yayasan Sabah, beliau telah menceburkan diri dalam bidang pengurusan perkhidmatan penyedia kemudahan dengan membuka tempat penginapan di Ranau menyedari potensi daerah Ranau ketika itu sebagai destinasi pelancongan menarik di Sabah yang mampu menjana pendapatan sekiranya diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

Perkongsian pengalaman bersama dengan Datin Dr Lungkiam merupakan satu peluang yang sangat berharga terlebih lagi untuk menyelidik memahami dan mendalami betapa berkuasanya ilmu pengetahuan dalam mencorakkan kehidupan serta membentuk keperibadian diri. Datin Dr Lungkiam juga menyebut bahawa ibu bapa beliau berusaha sehabis baik dalam menyediakan keperluan pendidikan untuk beliau dan juga adik beradik beliau yang lain. Pernyataan ini dapat dibuktikan menerusi petikan temu bual yang dilakukan bersama dengan beliau:

“I came from parents no having fixed income...farmers bah...mana ada (pendapatan tetap) bukan mahu cakap temberang but when we needed money for school thing...I didn't hear my parents worrying...saya pun tidak tahu macam mana dorang boleh kasi sedia...kami ada 14 orang (adik beradik)”

(Datin Dr Lungkiam Dambul)

Petikan temu bual di atas menunjukkan betapa kedua orang tua beliau memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi demi pendidikan anak-anak termasuk beliau serta adik beradik beliau yang lain dan membuktikan keterbukaan sikap ibu bapa berkaitan dengan pendidikan untuk anak-anak perempuan. Datin Dr Lungkiam sendiri juga telah membuktikan kemampuannya biarpun datang daripada keluarga yang cukup sederhana dan mempunyai bilangan adik beradik yang ramai namun itu tidak pernah menjadi penghalang untuk beliau tekun dalam belajar demi masa depan yang lebih baik. Beliau juga menyebut bahawa beliau sangat berhati-hati dalam membelanjakan wang ketika belajar di universiti menyedari wang yang ada adalah untuk kegunaan sepanjang dalam tempoh pengajian. Oleh sebab itu, beliau bekerja separuh waktu untuk menambahkan duit saku, ketika melanjutkan pengajian di luar negara beliau turut bekerja separuh waktu untuk memenuhi keperluan keluarga memandangkan bukan hanya beliau sahaja

yang berpindah ke Amerika Syarikat namun termasuk juga suami dan anak-anak beliau yang masih kecil.

Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan, selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, peluang pendidikan untuk anak-anak perempuan adalah terbuka dan biarpun bilangannya masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan pelajar lelaki namun perubahan positif tetap berlaku merupakan satu fakta yang tidak boleh dinafikan. Hal ini juga berlaku disebabkan sikap ibu bapa yang menyedari kepentingan pendidikan untuk anak-anak perempuan jauh berbeza jika dibandingkan pada ketika zaman sebelum merdeka. Pihak kerajaan juga memberikan perhatian dalam usaha untuk menyediakan akses pendidikan untuk semua tanpa mengira gender.

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Pusat Penyelidikan UCSI yang dijalankan pada tahun 2022 mendapati 53 peratus responden yang mengambil bahagian dalam penyelidikan ini bersetuju lelaki dan wanita mempunyai hak yang sama dan peratusan yang sama juga bersetuju bahawa peluang yang diberikan baik kepada lelaki dan wanita adalah adil. Namun dalam kajian yang sama juga terdapat 58 peratus responden wujud ketidaksamarataan gender di rumah, sekolah, tempat kerja dan sebagainya dan bila ditanya sekiranya mereka pernah berdepan situasi sedemikian dalam kehidupan mereka, 72 peratus menjawab 'Ya' dan seramai 544 orang responden telah mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Dapatan kajian ini membuktikan kesedaran kaum wanita terhadap isu kesetaraan gender semakin meningkat seiring dengan perubahan waktu (Ibrahim, 2022).

Secara umum, pencapaian kaum wanita dapat dinilai menerusi dua petunjuk iaitu Indeks Jurang Gender Global (IJGG) dan juga Indeks Jurang Gender Malaysia (IJGM). Pada tahun 2020, skor IJGG bagi Malaysia adalah 0.68 (skor 1 bermaksud saksama mutlak dan 0 ketaksamaan mutlak). Skor ini meletakkan Malaysia sebagai negara yang mempunyai jurang gender luas dalam kalangan negara Asia Tenggara demikian menurut Prof Madya Madeline Berma dalam artikel beliau yang diterbitkan dalam *bharian.com.my* yang bertajuk "*Kesaksamaan Gender Tanggungjawab Semua*" (Berma, 2020).

Prof Madya Madeline juga menyebut berdasarkan data pada tahun 2018 menunjukkan skor 0.711 dan skor ini merujuk kepada jurang yang berlaku antara wanita dan lelaki dari segi penyertaan dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan serta penyertaan politik. Dalam konteks penyertaan tenaga, data 2019 menunjukkan kadar penyertaan buruh wanita adalah 55.2 peratus berbanding 80.4 peratus bagi lelaki manakala dari aspek pendapatan, statistik 2018 menunjukkan pendapatan median dan purata bagi wanita adalah lebih rendah berbanding lelaki. Gaji median wanita Malaysia RM2,227 berbanding lelaki (RM2,342) dan gaji purata wanita (RM2,959) dan lelaki (RM3,174). Jabatan Statistik juga menganggarkan setiap RM100 diterima lelaki, wanita hanya menerima sejumlah RM93.20.

Pada peringkat pembuat keputusan pula, IJGM 2019 melaporkan penyertaan wanita sebagai pihak penggubal undang-undang, pengurusan dan pegawai tertinggi hanya mencatatkan 24.7 peratus dan nilai ini masih rendah walaupun kerajaan meletakkan sasaran 30 peratus peringkat pembuat keputusan adalah wanita. Pekerja wanita profesional dan teknikal juga rendah (44.3 peratus) berbanding lelaki (55.7 peratus)

Namun dari aspek pendidikan, data yang diperolehi adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan lelaki dan semestinya boleh dibanggakan. Kadar enrolmen wanita untuk semua peringkat pendidikan adalah lebih tinggi berbanding lelaki seterusnya dari aspek kadar literasi wanita (berumur 15 hingga 64 tahun) adalah tinggi (96.3 peratus)

namun masih rendah sedikit berbanding lelaki (97 peratus) manakala dari aspek kesihatan pula, jangka hayat wanita hidup lebih lama iaitu 77.1 tahun jika dibandingkan dengan lelaki 72.2 tahun. Data dari sudut pemeraksanaan politik pula yang diperolehi daripada Jabatan Statistik melaporkan hanya 14.4 peratus wanita dilantik sebagai Ahli Parlimen manakala untuk jawatan menteri hanya 17.9 peratus adalah terdiri daripada kalangan wanita (Prof Madya Madeline Berma, 2020).

Sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, peluang untuk kaum wanita mendapatkan pendidikan semakin terbuka luas dan kesedaran yang semakin meningkat tentang keperluan pendidikan untuk mencapai taraf kehidupan yang lebih baik telah membawa kepada peningkatan enrolmen wanita di sekolah seperti yang ditunjukkan dalam laporan Statistik Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada peringkat rendah bilangan pelajar perempuan mencatatkan peningkatan lebih daripada tiga kali ganda daripada jumlah keseluruhan kira-kira 390,000 orang pelajar pada tahun 1957 kepada 1.43 juta pelajar pada tahun 2001. Nisbah pelajar perempuan kepada pelajar lelaki di sekolah rendah semakin bertambah baik dengan ketara daripada 41:59 pada 1957 hingga 49:51 pada masa sekarang demikian menurut Jacqueline Liza Fernandez dalam artikel beliau iaitu "*Women and Education in Malaysia*".

Pihak kerajaan memberikan fokus kepada pendidikan menengah selepas mencapai kemajuan yang memuaskan pada peringkat sekolah rendah. Sebelum tahun 1970-an, bilangan pelajar di peringkat sekolah menengah masih rendah namun menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa untuk kedua-dua kumpulan gender. Jumlah pelajar meningkat daripada 53,974 pelajar lelaki dan 27,068 pelajar perempuan dalam 1957 kepada 1,000,296 pelajar lelaki dan 1,037,262 pelajar perempuan pada tahun 2001. Peratusan pendaftaran pelajar perempuan di sekolah menengah bertambah baik daripada 33 peratus pada 1957 meningkat kepada 50 peratus semenjak tahun 1990-an. Peluang pendidikan tinggi jarang berlaku pada awal era selepas merdeka namun selepas 1970-an lebih banyak universiti dan kolej telah ditubuhkan dan pada hari ini telah banyak institusi yang didirikan bagi memenuhi keperluan pendidikan bagi kedua-dua gender. Bilangan pelajar lelaki secara konsisten mengatasi bilangan pelajar perempuan sehingga 1995 tetapi memasuki abad ke-21 telah berlaku perubahan pada jumlah pelajar yang berdaftar berdasarkan gender sebagai contoh, pendaftaran pelajar di universiti dan kolej di Malaysia terdiri daripada 10,791 pelajar lelaki dan 4,596 pelajar perempuan pada tahun 1970 berbanding dengan 150,984 pelajar lelaki dan 185,730 pelajar perempuan pada tahun 2001 dan nisbah pelajar perempuan kepada pelajar lelaki meningkat daripada 30:70 pada tahun 1970 kepada 55:45 pada tahun 2001 (Fernandez, 2005). Peningkatan ini membuktikan bahawa kaum wanita telah mencapai kemajuan yang sangat menggalakkan dalam bidang pendidikan.

Oleh yang demikian, pendidikan membuka jalan dalam proses menggalakkan kesaksamaan antara gender. Ketidakadilan sosial yang berlaku kepada wanita sejak sekian lama haruslah dihentikan. Pendidikan membolehkan kanak-kanak perempuan dan lelaki, wanita dan lelaki mengambil bahagian dalam sosial, ekonomi dan politik serta merupakan asas bagi pembangunan masyarakat demokratik yang akan memacu negara ini menjadi sebuah negara yang mampu untuk hidup dalam kebersamaan biarpun kalangan rakyatnya mempunyai latar belakang yang berbeza. Pendidikan adalah salah satu isu yang harus diberikan keutamaan dalam memastikan tidak ada satu individu pun yang dipinggirkan daripada mempunyai akses untuk mendapatkan peluang untuk belajar serta pada akhirnya memberikan jaminan kepada kesaksamaan gender.

Kesimpulan

Wanita memainkan peranan penting dalam menjadikan sesebuah negara maju dan merupakan penggerak utama ke arah pembangunan yang mampan. Kaum wanita adalah komponen yang sangat diperlukan dalam usaha membina sebuah negara yang bukan sahaja maju dari segi ekonomi, politik dan sosial malahan menjadi tonggak utama dalam pembentukan masyarakat minda kelas pertama. Sekiranya kita mahu melihat masa depan yang gemilang di negara kita, memastikan akses pendidikan yang adil kepada semua tanpa mengira gender haruslah sentiasa menjadi keutamaan kerajaan. Pemeraksanaan bermakna berpindah dari kedudukan yang lemah serta melaksanakan usaha progresif bagi mencipta kedudukan yang jauh lebih baik dan oleh yang demikian pendidikan untuk wanita adalah alat yang paling berkuasa untuk mengubah kedudukan wanita dalam masyarakat seterusnya menjadikan negara tercinta ini mampu melahirkan rakyat yang tahu menghargai serta menghormati hak orang lain. Seperti yang dinyatakan oleh Katherine Davis, Pengarah IPSOS Malaysia (IPSOS merupakan sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan penyelidikan terhadap pasaran kepada pelanggan) menyebut:

“More and more people now understand the equality issues and the empowerment of women and girls is not just a goal in itself, but a key to sustainable development, economic growth, and peace and security. The study revealed that there is a sense of complacency that we've already come far enough, and it is important for Malaysians to be aware that there is still a long way to go. Where women are fully represented, societies are more peaceful and stable. Standing up for women's rights and development is standing up for the global good”

(IPSOS, 2018)

Sudah tiba masanya satu reformasi melibatkan dasar-dasar wanita dilaksanakan secara serius melibatkan kelompok penggubal dasar di peringkat kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat dalam mengotakan janji untuk pemegang taruh terbesar iaitu kaum wanita sendiri. Kaum wanita seharusnya tidak lagi perlu berhadapan dengan diskriminasi dalam aspek seperti pendidikan, pekerjaan, ekonomi, politik dan sosial pada ketika dunia telah pun memasuki abad ke-21. Kesedaran dan kekhuatiran wanita di Malaysia berkaitan dengan isu kesetaraan gender sewajarnya menjadi asas yang menunjukkan bahawa kaum wanita di Malaysia sudah semakin celik akan hak mereka yang sewajarnya dihormati oleh semua pihak. Seperti kata-kata yang pernah diucapkan oleh Hillary Clinton iaitu *“I believe the rights of women and girls is the unfinished business of the 21st century”* jadi kaum wanita harus berani untuk terus bersuara, bersuara dan bersuara sehingga suara kita akan didengar, jika bukan kita siapa lagi? jika bukan sekarang bila lagi?

Penghargaan

Penyelidik merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan UMS, Universiti Malaysia Sabah atas peruntukan geran penyelidikan menerusi “UMSGreat” dengan Kod Projek GUG0626-1/2023.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Arkib Negara Malaysia (ANM) (2024): Perubahan Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu, Melaka. – Pustaka Ilmu 7p.
- [2] Arshad, M.Y. (1935): Tambahlah pendidikan dengan perusahaan. – Majalah Guru 3p.
- [3] Aslam, M. (2013): Empowering women: Education and the pathways of change (EFA Global Monitoring Report 2013/4 background paper). – UNESCO 69p.
- [4] Aziz, A. (2004): Ibu Zain (Zainun Munsyi Sulaiman). – In Pertubuhan Tindakan Wanita Islam Malaysia (Ed.) Biografi Tokoh Wanita Malaysia, Pelanduk Publications 606p.
- [5] Berma, M. (2020): Kesaksamaan gender tanggungjawab semua. – Berita Harian Web Portal 7p.
- [6] Bhat, R.A. (2015): Role of Education in the Empowement of Women in India. – Journal of Education and Practice 6(10): 188-191.
- [7] Fernandez, J.L. (2005): Women and Education in Malaysia. – Preparing Graduates for Employment 2p.
- [8] Hendriani, R. (2017): Girls' Education: Danger and Resistance reflected inI am Malalaby Malala Yousafzai and Christina Lamb andMy Name is Parvanaby Deborah Ellis. – Lensa: Kajian Kebahasaan, Kesusastraan, dan Budaya 7(2): 190-199.
- [9] Hirschman, C. (2026): Women and Development in Malaysia. – In Chronicling Themes in the ECONOMIC and SOCIAL HISTORY of MALAYSIA 5p.
- [10] Hussiin, H.B. (2011): Isu Pendidikan Wanita Melayu Dalam Akhbar dan Majalah Melayu, 1920-an Hingga 1940-an. – SEJARAH: Journal of the Department of History 19(19): 17p.
- [11] Ibrahim, M.A. (2022): Kesedaran kesamarataan jantina semakin meningkat: Kajian. – Sinar Harian Web Portal 22p.
- [12] Idris, M.R.B., Noor, A.I.M. (2015): PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN PEREMPUAN MELAYU DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU, 1896-1941. – SEJARAH: Journal of the Department of History 24(1): 15p.
- [13] Idris, M.R.B., Noor, A.I.M. (2014): PERKEMBANGAN SEKOLAH PEREMPUAN MELAYU DI NEGERINEGERI MELAYU BERSEKUTU, 1896-1941. – SEJARAH: Journal of the Department of History, 23(2): 25p.
- [14] IPSOS (2018): IPSOS study reveals Malaysians' top issues faced by women and misperceptions of women empowerment [Press release]. – IPSOS Web Portal 8p.
- [15] Jaysawal, N., Saha, S. (2023a): Feminism, education and gender equality-a review. – EPRA International Journal of Multidisciplinary Research 9(2): 241-246.
- [16] Jaysawal, N., Saha, S. (2023b): Role of education in women empowerment. – International Journal of Applied Research 9(4): 08-13.
- [17] Jehom, W.J. (2013): Lily Eberwein: Her life and involvement in the anti-cession movement in Sarawak. – Women in Southeast Asian Nationalist Movements 22p.
- [18] Kalakoti, S.R. (2021): Women empowerment through education—a sociological perspective. – International Journal of Multidisciplinary Educational Research 8(6): 1-8.
- [19] Noor, A.I.M. (2010): TAN SRI DR. HAJJAH AISHAH GHANI: PENGGERAK KEMAJUAN WANITA UMNO. – SARJANA 25(3): 125-142.
- [20] Sahin, E. (2014): Gender equity in education. – Open Journal of Social Sciences 2(1): 59-63.

- [21] Stevenson, R. (1975): *Cultivators and administrators: British educational policy towards the Malays, 1875-1906.* – Monash University 240p.
- [22] United Nations Development Programme (UNDP) (2019): *Human development report 2019: Beyond income, beyond averages, beyond today: Inequalities in human development in the 21st century.* – United Nations Development Programme 366p.
- [23] United States Agency for International Development (USAID) (2008): *Education from a gender equality perspective.* – USAID 18p.
- [24] World Economic Forum (WEF) (2020): *Global gender gap report 2020.* – World Economic Forum 371p.